



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

PERTANDINGAN BICARA BERIRAMA ALAM SEKITAR PERINGKAT KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI 2016

28 APRIL 2016

1. YBhg. Dato' Sri Azizan B. Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menyempurnakan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Bicara Berirama Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2016 yang diadakan di Dewan Berlian, UiTM Puncak Alam, Selangor hari ini dengan menyampaikan Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Piala Pusingan YTL berserta hadiah-hadiah kepada pemenang pertandingan ini.
2. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Sri Michael Yeoh Sock Siong, Pengarah Eksekutif, YTL dan Dato' Dr. Ahmad Kamarul Najuib Che Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS).
3. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) menerusi JAS telah menganjurkan buat julung kalinya Pertandingan Bicara Berirama Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2016 Sempena Sambutan Hari Bumi 2016 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia beserta dengan 'Rakan MOU JAS' yang merupakan pihak yang telah menandatangani Memorandum

Persefahaman Kerjasama Mengenai Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar dengan JAS iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan YTL Cement. Pertandingan ini diadakan pada 26 hingga 28 April 2016 bertempat di UiTM Puncak Alam, Selangor.

4. Bicara Berirama Alam Sekolah dipilih sebagai konsep pertandingan ini memandangkan ia merupakan satu kaedah baru yang mampu memupuk rasa kecintaan para pelajar terhadap alam sekitar. Penganjuran pertandingan ini bertujuan memupuk kesedaran terhadap alam sekitar di kalangan generasi muda, menyampaikan mesej alam sekitar yang diterapkan dalam pertandingan ini dan sekaligus dapat mempromosikan pendidikan kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat serta mewujudkan pendekatan baru dalam melatih pelajar sekolah mencintai alam sekitar.
5. Menerusi pertandingan ini, NRE telah memperkenalkan Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga Piala Pusingan YTL. Kedua-dua Piala Pusingan ini mula diperkenalkan dalam pertandingan ini sebagai menghargai usaha-usaha di kalangan pelajar sekolah ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Pertandingan ini dijangka akan diadakan setiap tahun oleh NRE.
6. Hadiah-hadiah berupa Piala Pusingan dan wang tunai ini merupakan sumbangan daripada Syarikat YTL Cement yang merupakan 'Rakan MOU JAS'. Seramai 1,200 orang pelajar dari 32 buah sekolah dari seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini diadakan untuk dua kategori sekolah iaitu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah serta dalam dua kategori bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
7. Hadiah-hadiah yang diterima para pemenang bagi kategori Sekolah Menengah ialah RM5,000.00 & Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi tempat pertama, RM3,000.00 dan Plak bagi tempat kedua, RM1,000.00 dan Plak bagi tempat ketiga, RM500.00 bagi tempat keempat dan kelima serta plak bagi

tempat Tempat Keenam hingga Kesepuluh. Bagi kategori Sekolah Rendah pula, pemenang tempat pertama akan membawa pulang RM5,000.00 & Piala Pusingan YTL, RM3,000.00 dan Plak bagi tempat kedua, RM1,000.00 dan Plak bagi tempat ketiga, RM500.00 bagi tempat keempat dan kelima serta plak bagi tempat Tempat Keenam hingga Kesepuluh.

8. Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Tema sambutan Hari Bumi bagi tahun ini ialah "*Trees for the Earth*" yang telah ditetapkan oleh '*Earth Day Network*' yang merujuk kepada kepentingan pokok dalam memberi impak yang signifikan terhadap asas kehidupan yang bersih, sihat dan mapan.
9. Bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2016, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berharap agar semua rakyat Malaysia dapat berganding bahu bersama-sama dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar serta mematuhi peruntukan perundangan sedia ada mengenai alam sekitar.

Lampiran 1

Senarai sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini adalah seperti berikut:-

Bil.	Negeri	Kategori Sekolah Menengah	Kategori Sekolah Rendah
1.	Perlis	SMK Perlis	SK Seri Indera
2.	Kedah	SMJK Sin Min	SK Jalan Pegawai
3.	Pulau Pinang	SMK Convent Bukit Mertajam	SK Seri Bayu
4.	Perak	SMK St Bernadette's Convent	SK Taiping
5.	Pahang	SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan	SK Bandar Pusat, Maran
6.	Terengganu	SM Imtiaz, Dungun	SK Tengku Mahmud, Besut
7.	Kelantan	SMK Zainab	SRA Tengku Amalin A'Ishah Putri
8.	Selangor	SMK Hussein Onn	SK Bandar Seri Putra
9.	Negeri Sembilan	SMK Methodist (ACS)	SK Pasir Panjang, Port Dickson
10.	Melaka	SMK Infant Jesus Convent	SK Bukit Beruang
11.	Johor	SMK Dato' Penggawa Timur	SK Bandar Mersing
12.	Sabah	SMK St. Francis Convent (M)	SK Sri Gaya, Sek Berprestasi Tinggi
13.	Sarawak	SMK St. Mary, Kuching	SK Sungai Amang, Kapit
14.	W.P Kuala Lumpur	SMK Convent Bukit Nanas	SK Convent (1) Bukit Nanas
15.	W.P Putrajaya	Sekolah Sultan Alam Shah	SK Putrajaya Presint 16(2)
16.	W.P Labuan	SM St. Anne	SK Kerupang